

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**PDP 474 Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia**

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUABELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No. 1** yang diwajibkan dan mana-mana **TIGA** soalan lain.

**Soalan No. 1**

Apakah yang dimaksudkan dengan bacaan? Dengan menggunakan petikan yang disediakan, buat satu rancangan pengajaran bacaan lisan dan senyap.

Jawapan anda hendaklah meliputi :

- [a] konsep bacaan.
- [b] prosedur-prosedur mengajar bacaan.
- [c] sekurang-kurangnya satu jenis bacaan lisan dan dua jenis bacaan senyap.

Petikan-petikan disertakan di Lampiran A, B dan C. Jawapan anda hendaklah disertakan bersama-sama dengan petikan-petikan itu.

[40 markah]

**Soalan No. 2**

Apakah kedudukan pengajaran tatabahasa dalam konteks pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah menengah di Malaysia?

[20 markah]

**Soalan No. 3**

Dalam rekabentuk KBSM, terdapat dua aspek pengajaran Bahasa Malaysia - sebagai satu mata pelajaran dan sebagai bahasa pengantar. Apakah implikasi kedua-dua aspek pengajaran ini kepada anda sebagai guru bahasa?

[20 markah]

...2/-

Soalan No. 4

Apakah yang dimaksudkan dengan penilaian bahasa? Beri contoh-contoh penilaian bahasa yang anda fikir sesuai untuk kursus Bahasa Malaysia dalam KBSM.

[20 markah]

Soalan No. 5

Apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran Menulis? Beri contoh strategi-strategi pengajaran mengarang di peringkat sekolah menengah.

[20 markah]

Soalan No. 6

Bincangkan penggunaan berbagai jenis Alat Bantuan Mengajar (ABM) bagi mencapai objektif-objektif pendidikan Bahasa Malaysia.

[20 markah]

-- 0000000000 --

...3/-

LAMPIRAN A

GELANDANGAN

OLEH

ANY ASMARA

Sudah dua bulan aku jadi penduduk Jogjakarta, tetapi bukan yang termasuk dalam perkiraan, kerana aku penduduk liar, menjadi gelandangan, tanpa sebarang surat keterangan. Tempat tinggalku di mana sahaja asalkan dapat dijadikan tempat berasah. Kadang-kadang di depan-depan kedai.

Tentang harta, aku memang punya dan aku tidak khuatir kalau ada yang ingin mencurinya. Setiap hari hartaku kubawa ke sana sini, timur barat selatan utara. Di waktu pagi aku di pasar-pasar dan kalau malam di sepanjang jalan Malioboro.

Sebenarnya aku bukan malas, aku ingin bekerja seperti orang lain, tetapi tak ada siapa yang ingin memberikan aku kerja kerana keadaanku yang cacat - berjalan pun pincang. Jadilah aku seorang gelandangan. Soal mencuri - memang kuhindari kerana perbuatan itu dikutuk Tuhan. Lebih mulia hidupku daripada pegawai-pegawai yang makan suap.

Setiap jam 4.00 pagi aku sudah bangun, menjelajahi jalan memeriksa tong-tong sampah, mogamoga ada yang jadi rezekiku. Kalau ketemu kotak kosong akan kujuar dan wangnya akan kubelikan nasi. Kalau tidak bertemu apa-apa aku tuju warung-warung mencari lebihan nasi. Kadang-kadang nasibku agak sial, sedang mencari lebihan nasi aku dihalau oleh yang empunya warung, dimaki-maki membuatkan aku bertambah sedih.

"Ayuh, berambus kau, bangsat buruk! Orang malas, tak mahu bekerja, senangnya hanya mengemis!" Begitulah cacian-cacian mereka.

Hatiku tambah terhiris dengan keadaan seperti itu, apatah lagi perut masih kosong - yang kudapat hanya cacian. Ah, beginilah nasibku menjadi gelandangan. Hendak mencari pekerjaan tidak lagi, hanya cacian yang dapat. Hal kaya miskin memang sudah menjadi nasib masing-masing. Cubalah fikirkan, siapa yang hendak jadi gelandangan seperti aku ini. Pasti tidak ada yang mahu.

Dahulu sewaktu aku di desa, aku tidak cacat seperti ini dan aku dianggap sebagai orang mulia. Dihormati oleh tetangga, ada dua buah rumah, kebunku luas, pohon kelapa ada lima belas batang, ada sawah dan sapi. Malah di zaman revolusi desaku menjadi tempat pengongsi pegawai-pegawai dari kota. Salah seorang pengongsi yang bernama Pak Surya ialah seorang Pegawai Kewangan, dia kusuruh tinggal di rumahku yang besar, tidak perlu sewa dan kontrak. Aku juga memberi beras buat makanan keluarganya sehingga empat bulan. Semuanya itu lahir daripada kesucian hatiku, aku harus menolong siapa sahaja. Takkan pegawai yang menumpang ini tak kutolong!

...4/-

Anak Pak Surya yang bernama Sri yang berumur enam tahun begitu senang kalau diberi kelapa muda. Apabila pihak Belanda telah berundur barulah Pak Surya pulang ke Jogjakarta. Malah sewaktu pamit meninggalkan desa dia berkara:

"Pak Sastra, kami sekeluarga begitu terhutang budi. Kami di sini diberi pertolongan, makan dan tempat tinggal. Kebaikan Pak memang tidak akan kami lupakan. Besok-besok kalau Pak Sastra tersesat ke Jogja, harap datang berjumpa kami, akan kami cuba membalaik kebaikan bapak."

"Ya Tuan, sama-sama. Pertolongan saya hanya seadanya, kerana sebagai manusia kita seharusnya bertolong-tolongan." Begitulah jawapanku. Pertolonganku tidak mengharapkan balasan. Orang yang sedang menghadapi kesusahan patut sekali diberi pertolongan seperti Pak Surya. Esoknya Pak Surya sekeluarga berangkat pulang ke Jogja.

Pada suatu hari di waktu malam minggu pertama - awal bulan, orang berbelanja di Malioboro begitu ramai. Kedai-kedai begitu ramai didatangi yang ingin berbelanja. Seperti biasa sedang mencari rezeki - mana tahu mungkin ada orang yang belas kepadaku. Bukan kedai-kedai sahaja yang dipenuhi malahan di restoran-restoran juga penuh dengan orang yang menjamu selera. Aku hanya memandang dengan menelan air liur berulangkali. Begitu ramai manusia yang berbelanja, tiada seorangpun yang manaruh simpati kepadaku, malah apabila melihatku, masing-masing melengos gaya jijik. Aku mengerti kerana pakaianku bukan boleh lagi dikatakan pakaian malahan cebisan-cebisan kain. Mulanya aku sedar dan terus menjauh.

Aku terkejut dengan melompat apabila melihat sebuah kereta mingir hendak berhenti. Keretanya begitu bagus, catnya masih berkilat. Ini pasti kepunyaan orang-orang kaya. Hatiku gembira kerana sebentar lagi aku akan dapat rezeki. Aku mendekati pintu dengan menghulurkan tangan.

"Kasihanilah saya, tuan!"

Alangkah terkejutnya aku apabila melihat priyayi yang turun dari kereta. Tangan kuturunkan dan aku takkan lupa priyayi tadi Pak Surya yang pernah kutolongi. Apalagi apabila melihat perawan yang mengkorinya, aku takkan lupa, pasti Sri kerana tahi lalat sebesar lada hitam di bibirnya. Sekarang Sri sudah perawan. Cantik orangnya. Aku terpaksa berundur jauh kerana lagaknya Pak Surya dan anaknya bergegas mahu berbelanja di kedai.

Aku kembali mendekati kereta yang cantik dan berkilat tadi. tangan kuhulurkan mengusap-usap kereta yang cantik tadi. Ternyata licin. Tetapi aku begitu terkejut apabila tanganku dipukul oleh Pak Supir. Aku berundur malu dan sakit. Masih terdengar suara Pak Supir memarahiku.

"He...bangsat buruk, pergi! Jangan pegang-pegang kereta". Lagak Pak Supir bercekak pinggang sambil membasarkan bola matanya. Aku menjauh dengan merungut-rungut.

"Aku pegangpun tak boleh. Nantilah apabila tuanmu datang, kamu pasti mendapat malu," begitulah aku mengomel sambil menjauh.

...5/-

Benar, tak lama selepas itu Pak Surya dan Sri keluar dari kedai dengan bungkusan besar yang dibawa terus diambil oleh supir Pak Surya lalu dimasukkan ke dalam kereta. Aku cepat mendekat dan berkata.

"Selamat malam Pak Surya. Saya Pak Sastra saking Sewugalur."

Pak Surya memandangku dari kaki hingga ke kepala. Apa jawapannya? Telingaku seperti disambir petir mendengar jawapannya.

"He... bangsat, buruk! Kamu jangan jadi kurang ajar, berani-berani menyebut namaku. Ayuh cepat berambus, aku tak kenal muka kau".

Kuberanikan hatiku lagi walaupun sudah menerima jawapan seperti itu.

"Apa Bapak Surya tak kenal saya lagi? Saya Pak Sastra dari Sewugalur. Dulu waktu Bapak sekeluarga mengongsi, kan tinggal di rumah saya."

"Kurang ajar. Lekas berambus jauh. Aku tak kenal kau. Cepat berambus jangan sampai kusepak nanti".

"Bapak-bapak. Betul itu Pak Sastra saya masih ingat." Kata Sri merayu-rayu pada ayahnya."

"Bukan! Ini orang pembohong, hanya hendak meminta-minta. Cepat masuk kereta!" kata Pak Surya sambil menarik tangan Sri dibawa masuk ke kereta. Aku hanya memandang dan bersedih di dalam hati.

Ketika kereta mulai bergerak, tangan Sri keluar dengan membalingkan sesuatu padaku. Apabila kereta beredar, barang tadi kuambil dan kulihat yang dua puluh ribu rupiah. Aku gembira dan sedih. Sedih kerana aku dianggap penipu, pembohong. Gembira kerana mendapat wang yang sebeginu banyak. Dengan hati yang bercampur baur aku kebingungan hingga tanpa kusadari kakiku menyeberang jalan menuju kedai-kedai.

"O...pasti sahaja Pak Surya tak mengenaliku sebab aku sudah menjadi manusia bangsat seperti ini. Badanku cacat, berjalanpun pincang. Dulu aku masih gagah."

Aku terkenang kecacatanku. Sewaktu berlaku Gestapo 30 September, rumahku dibakar, hartaku diangkat. Anak lelakiku dibunuhi, begitu juga isteriku. Aku sendiri tak dibunuhi namun aku sudah setengah mati sehingga kakiku menjadi pepes. Sejak itulah aku seperti ini, terpaksa meninggalkan Sewugalur, jadi gelandangan sehingga ke Jogjakarta.

Pada mulanya memang niat di hatiku ingin mencari Pak Surya kerana sebelum berangkat dahulu memang pernah menyuruhku ke Jogja kalau tersesat. Dia ingin membala budi baikku. Hampir tiga bulan kumencarinya tetapi tidak ketemu. Apabila bertemu, ternyata begini jadinya. Untung Sri punya rasa belas padaku hingga aku diberinya wang.

"Oh Tuhan, ampunilah daku. Beginilah jadinya orang mlarat. Ke mana sahaja sentiasa disia-sia. Orang yang kutolong dahulu begini balasannya. Hatiku sungguh serik." "Oh dunia...memang tak adil," begitulah keluhku.

Wang pemberian Sri yang lima ribu akan kubeli pakaian rombengan dua helai. Dapatlah aku bersalin pakaian. Yang lima belas ribu lagi dapat kumulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan makan. Benar, selepas dua hari aku jadi penjual suratkhabar dan majalah, berkeliling kota - dan di perhentian-perhentian bas. Lumayan. Malah apabila hampir setahun aku sudah punya kios kecil di perhentian bas menjual suratkhabar dan majalah. Kini aku tidak jadi manusia gelandangan lagi. Hidupku sudah kecukupan.

LAMPIRAN B

SABAH

LATAR BELAKANG

ILMU ALAM

Sabah terletak di garisan lintang utara antara  $3^{\circ}$  -  $7^{\circ}$  dan garisan bujur timur antara  $115^{\circ}$  -  $119^{\circ}$ . Jaraknya dari Kuala Lumpur 1,200 batu, dari Singapura 1,000 batu, dari Hong Kong 1,200 batu, dari Manila 600 batu dan dari Jakarta 1,500 batu. Kawasan tanahnya seluas 29,540 batu persegi atau separuh keluasan Semenanjung Malaysia, dan terletak di utara Pulau Borneo bersempadankan Sarawak dan Kalimantan Indonesia sebelah selatan. Banjaran Gunung Crocker berbaris dari utara ke selatan di sepanjang bahagian barat dari setinggi 4,000 hingga 13,000 yang berkemuncakkan Gunung Kinabalu. Banjaran ini rapat dengan pantai barat. Oleh yang demikian, sungai-sungai yang mengalir ke pantai barat adalah pendek serta deras. Sebaliknya, di sebelah timur sungai-sungainya panjang-panjang melalui hutan tebal, mengalir ke laut Sulu dan Celebes.

Pantainya, di timur dan barat, sepanjang 900 batu dengan pelabuhan yang baik di Sandakan, Tawau, Kota Kinabalu, Lahad Datu dan Kudat. Kecuali Kota Kinabalu, pelabuhan-pelabuhannya kurang perhubungan dengan daerah pedalaman kerana kurang infrastruktur perhubungan ataupun kurang penduduk.

Penduduk di pantai barat menurut banci 1951 adalah 50% daripada jumlah penduduk seluruhnya. Ini adalah disebabkan tanahnya yang subur dan sesuai untuk sawah padi dan mempunyai sistem perhubungan yang lebih senang sama ada jalan raya atau keretapi, dan jalan yang paling panjang sebelum Sabah merdeka ialah di antara Kota Kinabalu dan Kota Belud yang jauhnya 45 batu. Ladang getah yang luas juga didapati di pantai barat. Begitu juga Kota Kinabalu yang menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan pun berada di pantai barat, dan ini memberi kesan yang besar dalam pertumbuhan penduduk di sekitarnya.

PENDUDUK

Sabah mempunyai banyak suku kaum bumiputera asli dengan nama yang berbagai-bagai. Dari segi agama mereka boleh dibahagikan kepada orang Islam, Kristian dan pagan (tiada agama yang universal). Kaum bumiputera Islam terdiri daripada orang-orang Bajau, Suluk, Ilanun, Melayu, Bisaya dan Kedayan. Kumpulan yang masih pagan terdiri daripada orang-orang Kadazan (Dusun), Murut, Rungus dan Lundayuh yang mendiami daerah Pedalaman. Penganut Kristian ramai terdiri dari kalangan penduduk di daerah pedalaman kerana golongan pagan mudah menganut apa sahaja agama sama ada Islam atau Kristian.

### BUMIPUTERA

Sebenarnya bumiputera terkumpul dalam empat kumpulan yang besar - Kadazan, Murut, Bajau dan lain-lain kaum bumiputera. Tetapi terdapat beberapa kumpulan yang menamakan diri mereka dengan nama lain, misalnya orang Dusun di Kinabatangan dipanggil Orang Sungai sementara orang Murut di Tenom dipanggil juga Paluan. Kumpulan yang sudah berkahwin dengan kaum pendatang terutama Cina ialah Kadazan, hasilnya lahir Sino-Kadazan. Kadazan dan Murut sebenarnya mempunyai hubungan sepupu dan persaudaraan dan merupakan kaum bumiputera yang paling ramai. Dalam banci tahun 1951 mereka berjumlah 57% daripada seluruh kaum bumiputera dan banci tahun 1972 mereka berjumlah seramai 240,835 daripada 751,945 orang jumlah keramaian penduduk Sabah.<sup>1</sup>

Disebutkan di atas bahawa bumiputera yang masih pagan mudah menganut agama yang dibawa dari luar. Sesudah merdeka ramai golongan ini yang menganut agama Islam disebabkan kegiatan dakwah Islam yang sangat aktif. Ketika menulis buku ini penduduk Islam berjumlah 400,000 orang. Akhir-akhir ini tarikan memeluk agama Islam juga berlaku di kalangan kaum bumiputera yang sudah beragama Kristian.

Kadazan mempunyai satu ciri yang sangat menarik terutama dari segi bahasa. Mereka mempunyai dialek yang sangat berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain, kecuali Kadazan (Dusun) Tuaran dan Tambunan yang mempunyai dialek dan perbendaharaan kata yang boleh difahami. Dialek yang digunakan dalam radio dan akhbar ialah dialek Kadazan (Dusun) Penampang.

Orang Murut tinggal di pedalaman daerah-daerah Keningau, Tenom dan Pensiangan. Mereka tidak mudah berkahwin dengan masyarakat lain. Mereka juga tinggal tidak menetap dan kurang mahir dalam bercucuk tanam. Mereka sama dengan Dusun suka minum tapai.

Orang Bajau, suku bumiputera yang kedua ramai, tinggal di daerah pesisir dan kesemuanya beragama Islam. Mereka terkenal sebagai pelaut yang terbaik dengan kerja-kerja nelayan dan pandai berkuda. Tetapi kini lebih separuh dari mereka telah tinggal menetap sebagai petani. Orang Bajau juga didapati di Kepulauan Filipina. Mereka telah berkahwin campur dan setengahnya mempunyai kaum keluarga di Sabah<sup>2</sup>. Daerah yang dikenali sebagai 'negeri' Bajau ialah Kota Belud dan Semporna. Ramai juga yang mendiami daerah Tuaran, Lahad Datu, Kudat, Kota Kinabalu dan Papar. Banci 1972 menunjukkan jumlah suku Bajau ialah 83,965 orang.

---

<sup>1</sup>Perangkaan Penting Sabah 1960-1972, Jabatan Perangkaan, Kota Kinabalu, 1973.

<sup>2</sup>The Asian Magazine, May 6, 1873.

### RAS MELAYU

Suku kaum Bajau, Kedayan, Suluk dan Brunei adalah ras Melayu dan menganut agama Islam. Orang Brunei dan Kedayan mempunyai pertalian keluarga dengan suku mereka di negeri Brunei dan mereka masih mengekalkan ciri-ciri kebangsaan seperti gelaran dayang, awangku dan pengeraan dalam masyarakat mereka. Orang Brunei ramai mendiami daerah Papar Sipitang dan Beaufort; sementara Kedayan di Sipitang dan Kuala Penyu. Chartered Company dan Kerajaan Koloni mengenali hakikat bahawa orang Bajau, Suluk Ilanun, Kedayan dan Brunei sebagai rumpun Melayu. Ini boleh dilihat pada surat beranak yang dikeluarkan pada zaman mereka. Kini, sesudah merdeka, ramai suku kaum ini yang mengaku mereka orang Melayu. Jumlah kesemua suku kaum bumiputra sekarang ialah 460,464 orang atau 61% lebih.

### CINA

Orang Cina ialah kaum pendatang yang paling ramai, kini berjumlah seramai 150,000 orang. Sungguhpun hubungan daerah Borneo Utara dengan negeri Cina telah lama wujud, tetapi kedatangan kaum ini beramai-ramai ialah dalam masa penduduk Inggeris. Ramai di antara mereka mendiami bandar-bandar di sepanjang pantai dan menjalankan kerja-kerja bermiaga, berkedai, buruh-buruh ladang getah dan perusahaan balak. Boleh dikatakan di tiap-tiap daerah ada penduduk Cina. Kaum laki-lakinya ramai yang berkahwin dengan perempuan-perempuan Dusun dan keturunan mereka dipanggil Sino-Dusun/Kadazan. Ada 5 kumpulan orang Cina yang boleh dilihat daripada loghat pertuturan mereka iaitu Hakka, Cantonese, Hokkien, Teochewa dan Hailam.

### AGAMA

Suku kaum yang tergolong dalam ras Melayu boleh dikatakan kesemuanya menganut agama Islam. Mereka - Bajau, Suluk, Ilanun, Kedayan Brunei, Tidong dan Bisaya - tidak mudah terpengaruh oleh kegiatan dakwah Kristian. Mubaligh Islam dan Kristian berlumba-lumba menarik golongan pagan supaya menganut agama mereka. Sebelum merdeka, orang Kadazan, Murut, Lundayoh dan sebagainya memeluk agama Islam biasanya melalui perkahwinan ataupun percampuran mereka dengan orang Islam. Namun demikian, bilangan orang yang memeluk Islam dalam tahun 1951 ada seramai 115,126 atau 34%; kini penduduk Islam seramai 400,000 orang atau hampir 60%. Semenjak akhir-akhir ini telah ditubuhkan organisasi yang rapi dan aktif bagi mengembang agama Islam. Mubaligh Kristian memang sentiasa berusaha mengembangkan agama mereka melalui badan-badan mubaligh, institusi dakwah Kristian yang terkenal bertahun-tahun. Kegiatan mereka ditumpukan kepada golongan pagan dan orang Cina. Pada tahun 1951 terdapat seramai 29,092 atau 8.7% penganut agama Kristian. Sungguhpun kedua agama aktif dalam mengembangkan agama mereka, tetapi golongan yang tidak beragama masih besar jumlahnya. Mengikut banci tahun 1951 seramai 134,626 atau 40.3% yang masih pagan. Kini bilangan ini semakin berkurangan dengan bertambahnya kegiatan dakwah Islam dalam masyarakat pagan.

### SEJARAH

Memang tidak dinafikan bahawa sejarah Sabah bermula dari zaman Kesultanan Brunei dan Sulu yang menguasai sebahagian besar daripada daerah utara pulau Borneo. Suku kaum Brunei dan Sulu yang ramai tinggal di Sabah adalah sebagai bukti peninggalan kesultanan tersebut. Kemasukan Inggeris bermula pada tahun 1773 apabila East India Company membuka penempatan dagangnya di Pulau Balambangan. Pada waktu itu sebahagian tanah di sebelah utara Sabah sekarang dikuasai oleh Kesultanan Sulu yang berpusat di Mindanao, Filipina. Tahun 1846 Sultan Brunei menyerahkan Pulau Labuan kepada Inggeris kerana mahu mendapat perlindungan dari Inggeris, sementara Inggeris mahukan Labuan sebagai tempat persinggahan kapal-kapalnya dalam perjalanan di antara India dan Cina.

Tahun 1872, Sultan Brunei menyerahkan sebahagian besar tanahnya di utara Pulau Borneo kepada Alfred Dent, saudagar Inggeris yang berpangkalan di Hong Kong; dan serentak dengan itu juga Alfred Dent membuat perjanjian dengan Sultan Sulu untuk mendapatkan tanah di bahagian barat laut Pulau Borneo. Dengan dua perjanjian itu sempurnalah usaha saudagar-saudagar itu untuk mendapatkan tanah dengan tujuan membongkar kekayaan semulajadi daerah itu.

Pada tahun 1881, Syarikat Dent dan rakannya Overbeck diakui oleh Ratu Inggeris sebagai sebuah syarikat yang boleh mendapat perlindungan kerajaan Inggeris serta diberi nama North Borneo Chartered Company. Dari tarikh tersebut, Chartered Company mempunyai kuasa mengadakan pentadbiran sendiri di Sabah dengan syarat ia mematuhi dasar Kerajaan Inggeris dan menghantar laporan kepadanya untuk disemak oleh Pejabat Tanah Jajahan.

LAMPIRAN C

TENGKU ABDUL RAHMAN PUTERA  
OLEH: ABDUL AZIZ BIN ISHAK  
PENGGAL IV

Apabila sahaja dia berjaya dalam peperiksaan mengambil Ijazah Sarjana Muda, University Cambridge, Tengku Abdul Rahman pun mengambil cuti pulang ke Malaya.

Pada masa itu pula kekandanya Tengku Ya'kub masuk belajar ke Universiti itu.

Sifat Tengku Abdul Rahman sebagai seorang yang tekun belajar telah berubah setelah dia lulus dalam peperiksaan mendapat Ijazah Sarjana Muda dan dalam peperiksaan ilmu undang-undang jenayah, bahagian pertama.

Ini ialah kerana apabila sampai di Kedah dia mendapat sanjungan tinggi sebagai seorang putera raja dan anak Melayu yang pertama yang telah mendapat Ijazah di salah sebuah Universiti yang termasyur di dunia. Perasaan megah itu merosakkan pelajarannya.

Dia menjadi orang suka pelesir kerananya.

Tengku Abdul Rahman bercuti empat bulan lamanya. Dalam masa empat bulan itu kerjanya tidak lain daripada bermain-main antara Alor Setar dan Pulau Pinang.

Selepas itu dia pergi kembali ke England bagi melanjutkan pelajarannya dalam ilmu undang-undang.

Tetapi dia tidak dapat lagi tekun belajar macam dahulu.

Keseronokan yang didapatinya selama bercuti menyebabkan dia tidak lagi tekun belajar.

Dia tidak dapat memusatkan fikirannya kepada buku-buku dan terpaksalah kawan-kawannya termasuk Dr. Teh Ham Yan, mendiang Tuan Kitson Kong dan Dato' Abdul Hamid bin Mustafa, sekarang Hakim, membacakan buku undang-undang kepadanya.

Mereka kemudian bosan membacakan buku-buku itu kepada Tengku dan terpaksalah Tengku membacanya seorang diri.

Sebab fikirannya sudah tidak pada buku-buku itu maka dia tidaklah dapat lulus dalam peperiksaan undang-undang lagi.

Pada tiap-tiap tahun dia tidak lulus sehingga cukuplah tiga tahun lamanya.

Kemudian Pengarah Pelajaran ilmu undang-undang itu pun memanggilnya dan bertanyakan apakah cita-citanya yang dapat memberi mata pencarian kepadanya.

Tengku menjawab dia hendak pulang masuk berkhidmat dalam Kedah Civil Service.

Pengarah itu berkata: "Kalau saya awak, tuan Rahman, saya masuk berkhidmat dalam Kedah Civil Service dan tinggalkan pelajaran undang-undang ini. Saya tidak nampak yang awak boleh maju dalam pelajaran ilmu undang-undang akhir". Tengku Abdul Rahman sangat jatuh markahnya.

Diapun pulang sebagai seorang yang gagal dalam pelajaran dan seorang yang suka pelesir.

Orang-orang yang memujinya dahulu, sekarang menganggapnya sebagai suatu contoh seorang yang menghabiskan ringgit dan waktu yang sia-sia di England.

Tengku menerima segala ini.

Tetapi dalam lubok hatinya dia hendak menunjukkan kepada mereka itu, bahawa pada suatu hari dia akan lulus juga dalam ilmu undang-undang walaupun akan memakan masa yang lama bagi menjayakannya.

Dan ini terjadi 21 tahun kemudian pada waktu dia berumur 45 tahun.

Waktu dia lulus dalam ilmu undang-undang itu dia telah diberi kehormatan membalias ucapan bagi pihak penuntut-penuntut - suatu kehormatan yang tinggi.

Telah menjadi peraturan pada Inner Temple, tempat Tengku belajar ilmu undang-undang, bahawa penuntut yang mendapat Honours bahagian pertama yang mesti memberi ucapan balas bagi pihak penuntut-penuntut dan kalau tidak ada, penuntut yang lama sekali belajar ilmu undang-undang memberi ucapan balas itu, pada waktu majlis keramaian yang diadakan pada tiap-tiap tahun bagi menghormatkan mereka yang lulus dalam peperiksaan penghabisan ilmu undang-undang. Seorang hakim dan seorang peguam yang masyur akan berucap menyambut mereka sebagai teman-teman yang sama taraf sebagai peguam.

Pada tahun Tengku lulus dalam ilmu undang-undang itu, tidak seorangpun penuntut yang lulus dengan honours bahagian pertama, kerana peperiksaan pada tahun itu adalah suatu peperiksaan yang susah, terbukti dengan hanya 30 peratus sahaja daripada penuntut-penuntut yang mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut telah lulus.